

24/03/1999

Pas dakwa hasrat tawan tiga negeri bukan khayalan

KOTA BHARU, Selasa - Pas berpendapat hasrat menawan beberapa negeri di Semenanjung dalam pilihan raya umum akan datang tidak harus diperkecilkan.

Timbalan Pengarah Jentera Pilihan Raya Pas Kelantan, Abdul Fatah Harun, berkata hasrat parti itu berdasarkan kepada fakta yang ada dan bukan omong kosong.

Menurut beliau, adalah tidak adil jika hasrat Pas untuk merampas dan menggugat kedudukan Barisan Nasional (BN) di beberapa negeri dalam pilihan raya itu disebut sebagai 'bermimpi pada siang hari'.

"Sebenarnya Pas bukan berhasrat merampas dua atau tiga negeri malah seluruh negara," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa beliau yakin Pas tidak berupaya menggugat BN dalam pilihan raya akan datang kecuali menjadi pengacau untuk melemahkan Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam berkata keghairahan Pas itu seperti yang digembar-gemburkan oleh pemimpin parti itu sekarang sebagai mimpi pada siang hari.

Sejak beberapa bulan lalu, Pas, sama ada melalui ceramah pemimpin atau menerusi terbitan Harakah melahirkan keyakinan dapat menawan beberapa negeri.

Selain Kelantan, parti itu mendakwa dapat membentuk kerajaan di Perlis, Kedah dan Terengganu serta menjadi pembangkang yang kuat di Perak, Selangor dan Pahang.

Menurut Abdul Fatah, Pas mempunyai asas yang kukuh untuk membuktikan hasratnya itu kerana ada penyelidikan.

"Jangan perkecilkan kita," katanya yang juga Setiausaha Pas kawasan Rantau Panjang.

Menurutnya, parti itu tidak akan keseorangan dalam menghadapi pilihan raya akan datang kerana mempunyai sokongan daripada pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Beliau tidak menolak kemungkinan sokongan itu akan diperolehi kesan daripada gerakan reformasi yang dipelopori Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, kenyataan Perdana Menteri yang menyebut Pas sebagai pengacau untuk melemahkan Umno, menandakan Umno takut berhadapan dengan parti pembangkang.

Mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, yang mencabar kerajaan Pas membubarkan segera Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi membolehkan pilihan raya peringkat negeri diadakan dalam masa terdekat ini, beliau berkata:

"Jika Umno sudah bersedia menghadapi pilihan raya, mereka tidak harus mendesak kerajaan Kelantan saja berbuat demikian, sebaliknya mereka terlebih dahulu melakukannya di peringkat Parlimen."

(END)